PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG





Tentang Kami

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah ditubuhkan pada 14 March 2012. PYDC merupakan sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membantu merealisasikan visi secara kolektif untuk membangunkan negeri Pulau Pinang sebagai masyarakat maju dan progresif melalui pembangunan belia. Ia bertujuan untuk membangunkan golongan muda secara holistik, bekerjasama untuk memperkuatkan belia dari segi sosial, ekonomi dan pembangunan diri serta membolehkan belia untuk menyuarakan pendirian diri, meningkatkan pengaruh mereka dalam masyarakat bagi mencapai potensi penuh dalam kehidupan.

Visi

Ke arah belia yang berintegriti, kebolehpasaran dan berdaya saing

Misi

Untuk mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik



Perutusan
Ketua Menteri Pulau Pinang

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Salam Sejahtera dan Salam Belia Berwawasan. Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) atas kejayaan penerbitan Profil Syarikat buat julung kalinya pada tahun ini. Selaras dengan hasrat dan matlamat Visi Penang2030, Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, saya yakin cetakan dan edaran Profil Syarikat yang padat dengan aktiviti dan informasi ini akan menjadi bahan bacaan dan rujukan yang sesuai dan terbaik kepada komuniti dan rakyat terutamanya golongan belia di Pulau Pinang.

Barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sedia ada komited untuk terus merencana pelbagai dasar dan polisi yang inklusif dan menyeluruh bagi memastikan program yang bersesuaian dan tumpuan yang sewajarnya disediakan kepada golongan belia yang merupakan tonggak utama yang bakal mentadbir negeri dan negara pada masa hadapan.

Sebagaimana Visi Penang2030 yang merangkumi empat (4) tema yang terdiri daripada pelbagai aspek pembangunan fizikal dan sosial, tumpuan kepada golongan belia bagi tujuan memperkasakan penyertaan belia dalam komuniti sudah pasti menjadi intipati penting dalam visi tersebut. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya amat komited dan sentiasa berusaha bagi merealisasikan hasrat golongan belia dan sememangnya penglibatan semua rakyat negeri ini adalah amat digalakkan agar kemakmuran hidup sebenar dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat dan sekaligus menjadi 'role model' kepada negeri lain.

Oleh itu, dengan perancangan yang teliti oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) saban tahun, saya pasti dan percaya agenda pembangunan belia di negeri ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat dicapai dengan jayanya.

Akhir kata, ayuh para belia kita menyusun langkah untuk terus bergerak maju ke hadapan bagi memacu agenda pembangunan belia demi negeri kita Pulau Pinang yang tercinta. Selamat Maju Jaya!

Perutusan
EXCO Belia Dan Sukan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi PYDC

YB Tuan Soon Lip Chee



Salam sejahtera dan Salam Belia Berinspirasi.

Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata. Pihak Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama Jawatankuasa MMK Pembangunan Belia dan Sukan sentiasa berusaha merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri dalam konteks pembangunan belia yang komprehensif dan holistik.

Bagi memastikan kelangsungan pembangunan belia di negeri ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar yang menjadi tonggak kepada program dan aktiviti Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan seperti berikut iaitu mengambil pendekatan yang "mesra belia" untuk menggalakkan golongan belia supaya berani tampil ke hadapan dan membentuk perkongsian pintar (smart partnership) dengan Kerajaan Negeri bagi menyumbang idea dan pengetahuan. Seterusnya adalah menggalakkan pembangunan insan yang menyeluruh bukan sekadar dari segi akademik tetapi juga menerapkan unsur-unsur kebudayaan, kesenian dan sukan dan akhir sekali ialah dengan menggalakkan semangat muhibbah dan perpaduan antara kaum.

PYDC sebagai sebuah entiti di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan anak muda Pulau Pinang. Misi PYDC adalah untuk mendidik, memupuk dan memperkasakan golongan muda untuk berkembang secara holistik. Oleh itu, PYDC fokus kepada tiga teras utama untuk mencapai objektifnya iaitu dari segi Pembangunan Diri, Pembangunan Sosial dan juga Pembangunan Ekonomi para belia. Tiga fokus utama ini adalah sejajar dengan inisiatif “Belia Untuk Masa Depan” yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Belia dan Sukan.

Tuntasnya, PYDC akan terus berusaha memberi inspirasi serta dorongan kepada golongan belia negeri ini dalam memastikan agenda pembangunan belia negeri Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.



Ucapan Pengurus Besar

Dr Gwee Sai Ling

Salam sejahtera,

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya”, peribahasa ini amatlah bertepatan dengan visi dan misi yang dibawa oleh PYDC sejak awal penubuhan iaitu pada tahun 2012. Hal ini kerana, PYDC amat menitikberatkan pembangunan golongan belia sejak di bangku sekolah lagi iaitu dari umur 15 hingga 30 tahun melalui pelaksanaan pelbagai program yang bermanfaat untuk para belia. Saya percaya bahawa jika anak-anak muda diasah bakatnya dengan baik, maka mereka mampu mengharumkan nama negeri Pulau Pinang bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di persada antarabangsa. PYDC turut berperanan mengembangkan pertumbuhan belia di Pulau Pinang untuk melengkapi mereka dengan baik demi menghadapi cabaran pada masa akan datang. Ini sememangnya sejajar dengan inisiatif PYDC untuk membantu golongan belia merealisasikan potensi mereka supaya menyumbang kepada negara kita yakni Malaysia.

Selain itu, PYDC sedang giat melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan daya saing golongan belia khususnya di Pulau Pinang. Saya ingin menyeru agar golongan belia terus mengambil inisiatif untuk terus maju bersama-sama dengan PYDC dan menggunakan peluang yang disediakan sebaik mungkin. Semoga saudara saudari terus menyerlah sebagai anak muda yang berdaya saing dan menjadi aset kepada negara.

Oleh hal yang demikian, besarlah harapan saya agar semua pihak dapat bekerjasama dengan PYDC serta bersama-sama menggembleng tenaga dalam membantu membangunkan golongan belia di Pulau Pinang. Akhir sekali, saya menyeru anak-anak muda agar menyahut cabaran untuk membina negeri dan negara kita. Ayuh anak muda, kita bangkit bersama-sama mengorak langkah demi memperkasakan tanah air tercinta.

Sekian, terima kasih.

"BELIA UNTUK MASA DEPAN"

Inisiatif ini dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia dan Sukan bagi membangunkan anak muda di Pulau Pinang dan menyiapkan diri mereka agar menghadapi cabaran masa depan mereka serta menyumbang kepada pembangunan negara.

SEGI PEMBANGUNAN DIRI

DAYA KEPIMPINAN

BIMBINGAN DAN MENTORSHIP

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN/MINAT BELIA - BAKAT, SENI DAN BUDAYA

SEGI PEMBANGUNAN EKONOMI

KEUSAHAWANAN

PLATFORM KERJAYA

BAKAT DIGITAL

PEMERKASAAN KEMAHIRAN BELIA

SEGI PEMBANGUNAN SOSIAL

PENYERTAAN SOSIAL

KESUKARELAWAN

KESEDARAN SIVIK

PEMBANGUNAN BELIA LUAR BANDAR

PEMBANGUNAN EKONOMI

1. KEUSAHAWANAN


YOUTH ENTREPRENEURSHIP CHALLENGE

Program tahunan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMK Belia dan Sukan) bersama PYDC di bawah inisiatif “Belia Untuk Masa Depan” bagi menerapkan minat belia terhadap keusahawanan dan melahirkan golongan usahawan belia. Program ini terbuka kepada golongan mahasiswa dari IPT Pulau Pinang dan golongan belia Pulau Pinang berumur 17 tahun hingga 35 tahun yang berkreativiti dan berminat dalam bidang keusahawanan. Program ini juga menyediakan 'mentorship' kepada peserta-peserta yang berminat.





TALES OF ENTREPRENEURS





PYDC mengambil langkah untuk berkongsi kisah Usahawan Belia di Pulau Pinang. Langkah ini bertujuan untuk membantu mempromosikan perniagaan usahawan muda kita dalam keadaan pasca pandemik covid-19.

PYDC memahami bahawa usahawan muda kini kebanyakannya menghadapi cabaran yang getir terutamanya pada masa-masa sukar seperti ini. Cerita-cerita bermotivasi Usahawan Belia tidak pernah gagal untuk memberikan inspirasi kepada kita agar terus bertahan dan terus maju.




2. PLATFORM KERJAYA

PORTAL KERJAYA: "WE WANT YOU"

PYDC telah melancarkan satu portal kerjaya yang dinamakan Platform “We Want You” melalui laman web rasmi PYDC pada 6 Jun 2020 bagi membantu golongan belia Pulau Pinang untuk memohon pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Syarikat-syarikat yang mengiklankan peluang pekerjaan di laman web PYDC adalah secara percuma dan merangkumi pelbagai bidang industri, termasuk MNC dan IKS (Industri Kecil dan Sederhana).








We Want You!

3. BAKAT DIGITAL

PYDC melibatkan pakar-pakar dari pelbagai bidang untuk menjalankan program latihan dalam bidang digital selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan bakat digital di kalangan belia Pulau Pinang.





4. PEMERKASAAN KEMAHIRAN BELIA


BENGKEL PENEROKAAN KERJAYA

Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih lanjut tentang pelbagai kerjaya serta memberikan inspirasi kepada pelajar-pelajar bagi menentu halatuju masa depan mereka. Dalam usaha menjayakan program ini, PYDC bekerjasama dengan pakar-pakar dari pelbagai bidang bagi berkongsi pengalaman tentang pekerjaan masing-masing kepada para pelajar.






BENGKEL PENGUKUHAN AKADEMIK



Program ini memfokuskan kepada para pelajar sekolah menengah yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Platform ini bertujuan untuk berkongsi tips dan input bagi memantapkan persediaan diri mereka yang akan menghadapi peperiksaan SPM serta melengkapkan pelajar dengan teknik untuk meningkatkan kemahiran mereka yang mampu membantu mereka mencapai prestasi akademik yang lebih cemerlang.

PERKONGSIAN KERJAYA MENEROKAI MASA DEPAN ANDA



Pakar-pakar dari pelbagai bidang dijemput untuk berkongsi pengalaman kerjaya mereka serta memberi nasihat dan tips kepada para belia agar berjaya dalam sesuatu bidang kerjaya yang dipilih.

PROGRAM PEMANTAPAN KERJAYA

Bengkel Pemantapan Kerjaya memainkan peranan untuk membantu para belia dalam mempertingkatkan kemahiran insaniah dan teknikal mereka agar dapat meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran mereka dalam dunia kerjaya. Program ini dapat memperkasakan para belia di negeri Pulau Pinang dari segi pemantapan kerjaya.



Program Pemantapan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Pulau Pinang (Penang Higher Learning Institution Student Enrichment Program) telah dianjurkan dengan kerjasama Institusi-institusi Pendidikan Tinggi di Pulau Pinang sebagai satu platform untuk para mahasiswa bagi meningkatkan kebolehan diri dan menuju ke arah kecemerlangan.





PEMBANGUNAN DIRI

1.DAYA KEPIMPINAN

YOUTH COACHING CLINIC

Program ini memberi peluang kepada belia di Pulau Pinang untuk mempelajari kaedah-kaedah peningkatan kemahiran penyelesaian masalah, pengurusan tekanan hidup, berkomunikasi dengan lebih berkesan, kemahiran kepimpinan, dan penerokaan diri sendiri demi mencapai kekuatan individu melalui pembinaan minda. Ini adalah amat penting bagi golongan belia demi mencapai prestasi yang lebih cemerlang dari pelbagai aspek.





PROJEK KOLABORASI UNIVERSITI DAN KOLEJ

PYDC telah mengambil inisiatif untuk berkolaborasi dengan beberapa buah institusi pengajian tinggi di Pulau Pinang. Senarai projek adalah seperti di bawah:

1. *Mental Health Month – Reach Out*
2. *Poster Design Competition - Rediscovering New Reality With The Pandemic*
3. *Live Streaming Star Championship*
4. *International Youth Conference*
5. *Research*





2.PEMBANGUNAN KEMAHIRAN /MINAT BELIA

E-SUKAN






Program E-Sukan adalah untuk memperkasakan bakat E-Sukan dalam kalangan warga belia dan mengasah kemahiran belia seperti pengurusan dan kepimpinan, teknikal dan inovasi serta etika dan rohani melalui program ini.

Golongan belia diberikan pendedahan mengenai potensi permainan digital yang dilihat akan memangkin masa depan cerah seiring dengan perkembangan pesat ekonomi digital dalam era ini.

BAKAT, SENI DAN BUDAYA





PYDC memainkan peranan untuk memupuk bakat belia dan menggalakkan kreativiti dalam kalangan belia dalam bidang seni dan budaya. Program-program yang diadakan adalah seperti berikut:

- Penulisan Lajur
- Program Peraduan Video Kreatif Belia
- Reka Cipta Pelitup Muka
- Bengkel Seni
- Siri Bengkel Kopi
- Program Youth with Rhythm

PEMBANGUNAN SOSIAL

1. PENYERTAAN SOSIAL

PUSAT BELIA

Rancangan MMK Belia dan Sukan dan PYDC untuk mewujudkan 40 Pusat Belia di Negeri Pulau Pinang dimana satu Pusat Belia akan diwujudkan di setiap KADUN. Sehubungan dengan itu, di bawah kerjasama antara PYDC, MPKK Guar Kepah dan Pejabat Penyelaras Khas Penaga, Dewan Penempatan Banjir Pengkalan Bongor telah dijadikan sebagai Pusat Belia Penaga yang pertama di Pulau Pinang.



Objektif mewujudkan pusat belia adalah untuk:

1. Merangsang penglibatan belia dalam program-program dan aktiviti-aktiviti komuniti.
2. Membekalkan satu ruang aktiviti untuk para belia bagi berinteraksi dan berkongsi idea-idea kreatif.
3. Menggalakkan penganjuran program belia di kawasan tersebut.







2. KESUKARELAWAN

SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG

Melalui PYDC, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan program Sukarelawan Belia Pulau Pinang.





Tujuan program Sukarelawan Belia ini adalah untuk membina masyarakat yang progresif melalui pembangunan golongan belia selaras dengan visi Penang2030.

Selaras dengan tema C2 dalam Visi Penang2030 yang menekankan peningkatan penyertaan belia, wanita dan warga emas dalam kehidupan masyarakat, PYDC mengalu-alukan penyertaan aktif belia dalam program ini.



3. KESEDARAN SIVIK

SIDANG MUDA

Sidang Muda merupakan program anjuran tahunan oleh PYDC. Program ini menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan golongan belia dan merupakan satu platform kepada golongan belia membahas usul dan menyuarakan pendapat mereka simulasi seperti Dewan Undangan Negeri. Bengkel Demokrat Muda dan Sidang Muda ini merupakan lanjutan dengan penambahbaikan daripada siri latihan yang dianjurkan sejak tahun 2015.

OBJEKTIF:

1. Mendedahkan belia dengan perjalanan persidangan Dewan Undangan Negeri.
2. Mengetahui persepsi belia berkenaan Pulau Pinang dan negara daripada segi politik, sosial dan ekonomi.
3. Mengenal pasti nilai dan potensi kepimpinan dalam kalangan belia Pulau Pinang.













KEMPEN UNDI 18

Kempen UNDI 18 dianjurkan untuk memberikan pendedahan yang lebih lanjut kepada golongan belia tentang pelaksanaan kempen UNDI 18, hak mengundi, pindaan umur pengundi, umur ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri serta mengumpulkan pandangan belia atas pelaksanaan kempen ini. Usul pindaan umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri daripada umur 21 tahun ke 18 tahun akan dikemukakan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri.

4. PEMBANGUNAN BELIA LUAR BANDAR





PROJEK PEMBANGUNAN BELIA LUAR BANDAR

Dengan kerjasama PYDC dan Sukarelawan Belia Pulau Pinang, satu Kajian Pembangunan Program “Belia Untuk Masa Depan” telah dijalankan melalui kaedah soal selidik untuk memahami keperluan dan minat belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan belia dalam kawasan luar bandar. Dengan itu, PYDC telah mengadakan aktiviti seperti bengkel memasak.

PYDC Strategies Sdn. Bhd.

No. 1-02-01, Jln Ahmad Nor
Pusat Dagangan Nova
11600 Jelutong, Pulau Pinang

https://pydc.com.my

info@pydc.com.my

+6012-401 0186

PYDC

